

**SOALAN-SOALAN LAZIM – PAS MYCITY****1. Apakah itu Pas MyCity?**

Pas MyCity adalah pas perjalanan tanpa had untuk semua perkhidmatan di bawah kendalian Rapid KL seperti LRT, MRT, Monorel, BRT, bas Rapid KL dan perkhidmatan bas perantara MRT di Lembah Klang selama 1 hari atau 3 hari. Anda boleh membeli Pas MyCity ini pada bila-bila masa kerana ia beroperasi berdasarkan kiraan hari.

**2. Siapakah yang boleh membeli Pas MyCity?**

Pas MyCity terbuka untuk warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia.

**3. Apakah jenis-jenis Pas MyCity yang ditawarkan?**

Terdapat dua (2) jenis Pas MyCity iaitu Pas MyCity 1 Hari dan Pas MyCity 3 Hari. Pas-pas ini adalah sah untuk penggunaan bagi tempoh 1 hari dan 3 hari yang diaktifkan menerusi kad Touch 'n Go atau MyKad yang mempunyai cip Touch 'n Go.

**4. Berapakah harga Pas MyCity?**

Jenis Pas	Warganegara Malaysia (RM)	Bukan Warganegara Malaysia (RM)
Pas MyCity 1 Hari (MCP1)	RM 6.00	RM 10.00
Pas MyCity 3 Hari (MCP3)	RM 15.00	RM 25.00

Harga yang dinyatakan di atas tidak termasuk harga kad Touch 'n Go dan nilai minima dompet yang ditetapkan.

**5. Berapakah harga Pas MyCity bagi pengguna yang TIDAK mempunyai kad Touch 'n Go?**

Jenis Pas	Warganegara Malaysia (RM)	Bukan Warganegara Malaysia (RM)
Pas MyCity 1 Hari (MPC1)	RM 25.00	RM 30.00
Pas MyCity 3 Hari (MCP3)	RM 35.00	RM 45.00

Harga yang dinyatakan di atas adalah termasuk harga kad Touch 'n Go dan nilai dompet.

***Contoh untuk pembelian MCP1 (untuk kad Touch 'n Go baharu):***

*Pelanggan perlu membayar RM25, bersamaan RM10 untuk harga kad Touch 'n Go NFC + RM15 untuk nilai tambah minimum Touch 'n Go buat pertama kali. Selepas itu,, RM6 akan ditolak daripada kad untuk harga pas pengaktifan MCP1. Oleh itu, baki nilai dompet adalah RM9.00.*

## SOALAN-SOALAN LAZIM – PAS MYCITY

### 6. Dimanakah Pas MyCity boleh didapati?

Anda boleh mendapatkan Pas MyCity di Pejabat Khidmat Pelanggan Rapid KL di:

- Semua stesen LRT, MRT, Monorel dan BRT.
- Hab bas terpilih (Chow Kit, Pasar Seni, Section 2 Shah Alam, Greenwood, Sri Nilam, KLCC, Pearl Point, Puchong Utama & Sunway Pyramid).
- Secara dalam talian melalui applikasi MyRapid PULSE / MyRapid Shop (<https://shop.myrapid.com.my/>)

### 7. Bagaimanakah cara untuk saya mendapatkan Pas MyCity?

#### i) Untuk Warganegara Malaysia

- a. Bawa MyKad anda ke mana-mana Pejabat Khidmat Pelanggan Rapid KL LRT, MRT, Monorel, BRT, atau hab bas terpilih. Tunjukkan MyKad anda kepada Pegawai Khidmat Pelanggan bertugas untuk pengesahan.
- b. Setelah disahkan oleh Pegawai Khidmat Pelanggan kami, sila lampirkan kad Touch 'n Go atau MyKad anda untuk pengaktifan Pas MyCity.
- c. Anda perlu memastikan baki minima RM5.00 sentiasa mencukupi di dalam kad Touch 'n Go untuk membenarkan anda menikmati perkhidmatan Rapid KL LRT, MRT, Monorel, BRT, bas Rapid KL dan perkhidmatan bas perantara MRT.

#### ii) Untuk Bukan Warganegara Malaysia

- a. Bawa kad Touch 'n Go anda ke mana-mana Pejabat Khidmat Pelanggan Rapid KL LRT, MRT, Monorel, BRT, atau hab bas terpilih untuk pembelian dan pengaktifan Pas MyCity.
- b. Anda perlu memastikan baki minima RM5.00 sentiasa mencukupi di dalam kad Touch 'n Go untuk membenarkan anda menikmati perkhidmatan Rapid KL LRT, MRT, Monorel, BRT, bas Rapid KL dan perkhidmatan bas perantara MRT.

***Jika anda tidak mempunyai kad Touch 'n Go, anda boleh mendapatkannya di mana-mana Pejabat Khidmat Pelanggan kami (kecuali di stesen BRT dan Rapid KL hab bas) dengan harga RM10.00.***

Anda juga boleh mendapatkan kad Touch 'n Go di lokasi-lokasi berikut:

- Pusat Pengalaman Pelanggan Touch 'n Go (CEC)
- Hab-hab Touch 'n Go

**SOALAN-SOALAN LAZIM – PAS MYCITY**

- Touch 'n Go Spots
- Kios petrol
- Kedai serbaneka
- Farmasi terpilih

**8. Bolehkah saya membuat pembelian secara talian bagi produk MyCity melalui aplikasi MyRapid PULSE / MyRapid Shop?**

Ya, pembelian pas MyCity boleh dibeli di atas talian menerusi aplikasi **MyRapid PULSE bermula 11 Mac 2024**. MyRapid PULSE boleh dimuatnaik dari *App Store*, *Play Store*, atau *Huawei App Gallery* atau pembelian melalui MyRapid Shop di <https://shop.myrapid.com.my/>. Sila pilih ikon 'Lifestyle' untuk produk pilihan anda.

**9. Berapakah bilangan Pas MyCity yang boleh dibeli menerusi aplikasi MyRapid PULSE / MyRapid Shop di dalam satu (1) transaksi?**

**Untuk Warganegara Malaysia:**

Jumlah maksimum yang dibenarkan untuk pembelian Pas MyCity adalah sehingga 10 pembelian per transaksi.

**Untuk bukan Warganegara Malaysia:**

Jumlah maksimum yang dibenarkan untuk pembelian Pas MyCity adalah sehingga 4 pembelian per transaksi.

**10. Bolehkah saya mengaktifkan Pas MyCity di dalam MyKad yang mempunyai cip Touch 'n Go?**

Ya, Pas MyCity boleh dibeli menggunakan MyKad anda yang mempunyai cip Touch 'n Go. Sila pastikan tiada pas/produk RapidKL lain yang aktif di dalam MyKad anda. Sila pastikan bahawa nilai minima dompet RM5.00 sentiasa mencukupi di dalam MyKad anda untuk menggunakan perkhidmatan Rapid KL LRT, MRT, Monorel, BRT, bas Rapid KL, dan perkhidmatan bas perantara MRT.

**11. Saya adalah pengguna My50/Smart 7/Smart 30. Adakah saya boleh membeli Pas MyCity menerusi kad Touch 'n Go yang sama digunakan untuk My50/Smart 7/Smart 30?**

Ya, Pas MyCity hanya boleh diaktifkan pada kad Touch 'n Go yang sama dengan syarat langganan produk sebelumnya seperti My50/Smart 7/Smart 30 telah tamat tempoh.

**12. Saya adalah pengguna kad Konsesi MyRapid, bolehkah saya membeli dan mengaktifkan Pas MyCity pada kad Konsesi MyRapid saya?**

Tidak. Pas MyCity tidak boleh diaktifkan pada mana-mana kad Konsesi MyRapid.

**SOALAN-SOALAN LAZIM – PAS MYCITY**

**13. Bolehkah saya menggunakan Pas MyCity di KTM Komuter atau ERL?**

Tidak. Pas MyCity hanya sah untuk perkhidmatan Rapid KL LRT, MRT, Monorel, BRT, bas Rapid KL, dan perkhidmatan bas MRT di Lembah Klang sahaja. Pas MyCity tidak sah untuk perkhidmatan bas di Rapid Penang dan Rapid Kuantan.

**14. Bolehkah saya menikmati kadar tetap di kemudahan Rapid KL LRT atau MRT Park 'n Ride dengan Pas MyCity saya?**

Ya, anda masih boleh menikmati kadar tetap di kemudahan Rapid KL LRT atau MRT Park 'n Ride dengan menggunakan kad Touch 'n Go yang sama. Untuk keterangan lanjut sila layari : <https://myrapid.com.my/bus-train/rapid-kl/park-ride/>

**15. Adakah pembelian Pas MyCity saya akan dikenakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)?**

Tidak. Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) tidak terpakai untuk pembelian Pas MyCity.

**16. Apa yang harus saya lakukan jika saya kehilangan kad Touch 'n Go yang telah diaktifkan dengan Pas MyCity sebelum tamat tempoh sahnya?**

Anda dikehendaki membeli Pas MyCity yang baharu. Tiada penggantian atau bayaran balik untuk Pas MyCity yang hilang.

**17. Apa yang harus saya lakukan jika sistem tidak dapat membaca Pas MyCity saya?**

Jika Pas MyCity anda tidak boleh dibaca oleh sistem kami, anda boleh mendapatkan baucar perjalanan sementara di Pejabat Khidmat Pelanggan Rapid KL di LRT, MRT, Monorel, BRT dan hab bas terpilih dengan menunjukkan resit pembelian asal Pas MyCity anda. Tiada bayaran balik tunai atau tuntutan yang terpakai di Pejabat Khidmat Pelanggan akan dilayan.

Untuk maklumat lanjut dan pertanyaan, emel kami di [suggest@rapidkl.com.my](mailto:suggest@rapidkl.com.my) atau hubungi kami di talian 03-7885 2585, 7 hari seminggu dari 6:00 pagi hingga 12:00 tengah malam.